

HUBUNGAN KESULTANAN MELAYU MELAKA DAN KERAJAAN TURKI UTHMANIYAH ABAD 14 HINGGA 19

THE RELATIONSHIP OF THE MALAY SULTANATE OF MELAKA AND THE OTTOMAN TURKEY GOVERNMENT FROM THE 14TH TO THE 19TH CENTURY

Syaimak Ismail¹
Noor Syahidah Mohamad Akhir²
Azhar Abdul Rahman³

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, (UiTM), Malaysia, (E-mail: syaimak@uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies, (UiTM), Malaysia, (Email: noorsyahidah9177@uitm.edu.my)

³Academy of Contemporary Islamic Studies, (UiTM), Malaysia, (E-mail: azharabdulrahman@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 7-4-2023

Revised date : 8-4-2023

Accepted date : 27-5-2023

Published date : 26-6-2023

To cite this document:

Ismail, S., Mohamad Akhir, N. S., & Abdul Rahman, A. (2023). Hubungan Kesultanan Melayu Melaka dan Kerajaan Turki Uthmaniyah Abad 14 Hingga 19. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (53), 242 - 254.

Abstrak: Hubungan Tanah Melayu dengan Kerajaan Turki Uthmaniyah telah bermula sejak daripada zaman Kesultanan Melayu Melaka sekitar abad ke 15 dan hubungan ini tidak pernah terhenti sehingga kedatangan penjajah. Pada peringkat awal hubungan ini lebih kepada hubungan politik dan ekonomi. Kedua-dua kerajaan ini dilihat sebagai kuasa agung Islam yang menyinari benua Eropah dan Asia. Beberapa siri lawatan juga telah dilakukan oleh Sultan Melaka ke Turki bagi mengeratkan lagi hubungan dua kerajaan ini bahkan Sultan Melaka sendiri telah memberikan baiah sumpah setia kepada Kerajaan Turki Uthmaniyah dan berjanji untuk mempertahankan agama Islam di kawasan Asia. Setelah kejatuhan Melaka, Kerajaan Turki Uthmaniyah sentiasa memberikan bantuan peperangan melalui Aceh dengan tujuan untuk membantu Melaka mendapatkan semula kerajaan yang dirampas itu. Menjelang abad ke 18, Kerajaan Turki Uthmaniyah dilihat banyak memberikan pengaruh positif dalam membentuk perkembangan pemikiran dan perjuangan masyarakat Melayu untuk menentang penjajahan bahkan masyarakat Melayu menjadikan Kerajaan Turki Uthmaniyah sebagai model untuk membebaskan Tanah Melayu daripada ancaman Barat. Makalah ini akan melihat hubungan awal yang terjalin diantara Kerajaan Melayu Melaka dan kesinambungan kepada hubungan ini terutamanya daripada aspek politik serta bentuk pengaruh yang berjaya menjadi pemangkin kepada semangat orang Melayu untuk terus bangkit mempertahankan Tanah Melayu daripada ancaman luar. Hubungan Melaka dan Turki ini dibahagikan kepada tiga fasa dan memberi fokus kepada penganalisaan terhadap dokumentasi selain menerapkan metod deskriptif dalam penulisan. Hasil kajian mendapati hubungan Tanah Melayu dengan Kerajaan Turki tidak pernah terputus bahkan berterusan sehingga kejatuhan khilafah Islamiyah pada tahun 1923. Selain itu, Turki Uthmaniyah dilihat sebagai sebuah kerajaan Islam besar yang harus ditaati oleh orang Melayu kerana bertindak sebagai kuasa yang sentiasa menjaga Islam dan negara-negara Islam.

Keywords: Abad 15-19, Kesultanan Melayu Melaka, Kerajaan Turki Uthmaniyah.

Abstract: *Malaya's relationship with the Ottoman Turkish Empire began at the time of the Malacca Malay Sultanate around the 15th century, and this relationship never stopped until the arrival of the colonists. In the early stages, this relationship is more about political and economic relations. These two kingdoms are seen as the great power of Islam that shines on the continents of Europe and Asia. A series of visits have also been made by the Sultan of Melaka to Turkey to further strengthen the relationship between these two kingdoms. Even the Sultan of Melaka himself has given an oath of allegiance to the Ottoman Turkish Government and promised to defend Islam in the Asian region. After the fall of Malacca, the Ottoman Turkish Government always provided war aid through Aceh with the aim of helping Malacca regain the seized kingdom. Towards the end of the 18th century, the Ottoman Turkish Government was seen to exert a lot of positive influence in shaping the development of the thinking and struggle of the Malay community to resist colonialism. Even the Malay community made the Ottoman Turkish government a model for freeing Malaya from Western threats. This paper will explore the initial relationship between the Malacca Malay Kingdom and the continuation of this relationship, especially from the political aspect and the form of influence that succeeded in becoming a catalyst for the spirit of the Malays to continue to rise to defend Malaya from external threats. The relationship between Malacca and Turkey is divided into three phases and focuses on analysing documentation in addition to applying descriptive methods in writing. The results of the study found that Malaya's relationship with the Turkish government was never broken and even continued until the fall of the Islamic caliphate in 1923. In addition, Ottoman Turkey was seen as a large Islamic government that the Malays had to obey because it acted as a force that always looked after Islam and the country as an Islamic country.*

Keywords: *15th–19th century, Malacca Malay Sultanate, Ottoman Turkish Empire*


Pendahuluan

Pada pertengahan abad ke-14 masihi, dua buah kerajaan yang berasaskan Islam berkembang pesat dan kedua kerajaan ini terletak di lokasi yang berbeza iaitu di bahagian timur dan barat. Pada ketika ini kerajaan Uthmaniyah berjaya membuka kota Constantinople sekitar tahun 1299 dengan menakluk pusat gerakan politik kerajaan Byzantine Rom. Manakala Melaka juga sedang meniti kegemilangan kerajaannya di bahagian timur. kegemilangan dua buah kerajaan ini membawa kepada ikatan hubungan ekonomi, diplomatik dan agama yang meninggalkan kesan kepada perkembangan Islam di dunia. Jika dilihat kepada rentetan awal hubungan Kesultanan Melayu Melaka dengan Turki Uthmaniyah telah bermula sejak abad ke-14 lagi yang dihubungkan melalui aktiviti perdagangan. Pada ketika ini ramai pedagang dari Turki Uthmaniyah datang berdagang di pelabuhan Melaka sebelum bergerak ke Maluku dan Aceh (Dingec, 2010).

Kerajaan Turki Uthmaniyah yang memerintah dari tahun 1299 sehingga 1923 menjadi kuasa yang kuat di bahagian Barat. Kerajaan besar ini merupakan sebuah khilafah Islam yang pernah wujud di wilayah Anatolia yang terletak di Turki, manakala ibu negaranya terletak di Istanbul. Kerajaan ini muncul sejak akhir abad ke-13 dan mencapai kemuncak ketika abad ke-15 dan abad ke-16. Kerajaan Turki Uthmaniyah juga sering dianggap khilafah Islam yang menjadi pengganti kepada khilafah Bani Abbasiyah pada abad ke-13, sekali gus menjadi penabung dan pemelihara kepada umat Islam di seluruh dunia (Haris, 2020). Sehubungan itu, kajian ini adalah untuk menyelidiki secara mendalam tentang hubungan dua hala di antara dua kuasa besar dengan mengkaji teks sejarah yang menyebut tentang hubungan diplomatik ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi mengumpulkan data dan maklumat berkaitan hubungan diplomatik di antara dua kerajaan. Kajian ini mengutamakan kaedah perpustakaan dan analisis dokumen yang berkait rapat dengan sejarah dua kerajaan hebat ini. Penyelidikan ini juga menjadikan rekod penulisan Turki sebagai rujukan utama bagi menjejak serta mendalami secara mendalam latarbelakang hubungan dua kerajaan Islam ini. Bagi menganalisa data yang telah diperolehi daripada kaedah perpustakaan dan dokumentasi, penyelidik menggunakan metod deskriptif untuk menghuraikan secara mendalam tentang hubungan yang pernah terbina di antara dua kerajaan besar dan berpengaruh di dunia. Fokus kajian ini diantara abad ke-15 hingga abad ke-19 iaitu sewaktu zaman penjajahan British dan dibahagikan hubungan ini kepada tiga fasa



Rajah 1: Fasa Jalinan Hubungan Diplomatik Melaka dan Turki

(Sumber: Penyelidik)

Kajian Literatur

Fasa 1 Hubungan Kesultanan Melayu Melaka dan Kerajaan Turki Uthmaniyah

Dalam catatan Tom Pires, Kerajaan Rom dan Kerajaan Turki Uthmaniyah adalah dua kuasa yang berbeza, sejak penaklukan ke atas Constantinople orang-orang di timur merujuk kuasa Rom kepada Kerajaan Turki Uthmaniyah (Cortesao, 1944). Sehubungan itu, masyarakat Melayu mempunyai anggapan bahawa Raja Rom adalah seorang raja yang agung serta kuat dan gelaran ini merujuk kepada Sultan Turki Uthmaniyah yang merupakan kerajaan Islam yang besar pada ketika itu kerana peranannya sebagai pendukung kepada khilafah Islamiah (Landau, 1990). Kerajaan Turki Uthmaniyah telah mencapai kegemilangan serta memberi sumbangan yang besar dalam pelbagai bidang pada dua abad pertama penubuhan kerajaan tersebut, khususnya antara awal abad ke-14 sehingga akhir abad ke-16 (Haris, 2020).

Pelbagai sumbangan telah dicapai oleh kerajaan tersebut, khususnya dalam bidang sosiopolitik. Daripada sebuah wilayah kecil di Anatolia yang diasaskan oleh sebuah bangsa yang berasal dari Asia Tengah, kerajaan kemudiannya muncul sebagai kerajaan Islam yang terkuat pada abad ke-16 dan pembela Islam kerana berjaya mengalahkan kerajaan Mamluk yang berpusat di Mesir dan menguasai jajahan takluknya termasuklah tiga kota suci umat Islam. Selain itu, kerajaan Turki Uthmaniyah juga muncul sebagai salah satu kuasa besar di Eropah khususnya timur Eropah kerana berjaya mengalahkan kerajaan Byzantine (Rom Timur) dan mencabar serta menguasai beberapa wilayah kuasa besar di timur Eropah seperti kerajaan Bulgaria, Hungary, Habsburg (Austria), dan Wallachia (Romania) (Haris, 2020).



Rajah 2: Pengaruh kekuasaan Kerajaan Turki Uthmaniyah

(Sumber: https://ms.wikipedia.org/wiki/Empayar_Uthmaniyah)

Di bahagian Timur Asia Tenggara, Kesultanan Melayu Melaka merupakan kuasa besar di Asia Tenggara yang berlatarbelakangkan agama Islam berjaya meluaskan jajahan takluk dan menyebarkan Islam ke negeri-negeri yang ditawan. Semuanya bermula dengan penaklukan Melaka ke atas Kampar dan Siak yang kemudiannya menjadi penghubung kepada Melaka untuk mengusai bahagian Timur Sumatera. Selain dari Pahang, terdapat beberapa lagi buah kerajaan yang berjaya ditawan Melaka antaranya ialah Inderagiri, Palembang, Jambi, Lingga dan Tungkal. Beberapa buah kawasan dan wilayah berjaya ditakluk dan diletakkan di bawah wilayah dan negara taklukan Melaka antaranya ialah Pahang, Sening ujung (Sungai Ujung), Jeram, Langat, Inderagiri, Palembang, Jambi, Lingga, Tunggal, Siam, Brunei, Bentan, Kampar dan Siak, Rupert, Jambi, Bengkalis termasuklah Kepulauan Karimun. Bagi memperluas dan menjamin kawasan lalu lintas di perairan selat Melaka, pertahanan khas di kawasan laut Sumatera Selatan dikawal rapi dan setiap negeri di bawah taklukan Melaka perlu menghantar ufti kepada sultan Melaka (Ibrahim, 1976).

Perdagangan adalah nadi kepada ekonomi Kesultanan Melayu Melaka dan kerajaan ini terus bangkit sebagai sebuah kerajaan yang masyhur dengan aktiviti perdagangan di rantau Asia Tenggara. Kedudukan Melaka yang berada di lokasi yang strategik adalah penyebab kepada perkembangan agama Islam kerana pelabuhan Melaka menjadi pusat tumpuan para pedagang dari seluruh dunia. Dalam hal ini, pendakwah-pendakwah ini telah menyumbangkan usaha masing-masing bagi memperkembangkan ilmu pengetahuan selaras dengan kehendak Islam di Melaka dengan perintah sultan. Melaka juga berperanan sebagai pusat penyebaran agama Islam, ramai ulama yang datang bertandang ke Melaka bagi menyampaikan seruan dakwah kepada pedagang dan penduduk tempatan yang ada di Melaka (Hall, 1996).

Peranan Melaka sebagai pusat penyebaran dakwah juga turut diakui oleh sejarawan Hall. Menurut beliau sekitar abad ke-15 kesemua negeri-negeri Melayu mengakui peranan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam di Asia terutamanya selepas kejatuhan kerajaan Samudera Pasai (Hall, 1996). Hasilnya ramai orang tidak mengira bangsa dan budaya berjaya diislamkan dan mereka diberi peluang untuk mendalami Islam di pusat-pusat pengajian agama yang disediakan pemerintah seperti istana dan masjid-masjid (Fatimi, 1963).



Rajah 3: Wilayah Penaklukan Kesultanan Melayu Melaka

(Source: <https://berita.org.my/kesultanan-melaka>)

Turki Uthmaniyah mempunyai pandangan yang baik terhadap Kesultanan Melayu Melaka apatah lagi Melaka adalah kerajaan yang mengamalkan ajaran Islam secara penuh sama ada daripada aspek ekonomi, politik dan perundangan (Fang, 1982). Saat itu Melaka merupakan sebuah kuasa besar yang menguasai Asia Tenggara dan hampir semua negara di rantau itu berada di bawah taklukan Melaka. Pada peringkat ini, sudah terdapat hubungan yang berbentuk perniagaan di antara dua kerajaan ini (Dingec, 2010). Rekod Portugis juga ada mencatatkan tentang kehadiran orang Turki sepanjang penubuhan Kesultanan Melayu Melaka yang mana mereka bergerak aktif dengan menjalani aktiviti perdagangan di negeri itu. Kehadiran mereka di Melaka boleh dikatakan berlaku hampir setiap tahun dengan membawa lima buah kapal dagang ke pelabuhan Melaka sekurang-kurangnya (Cortesao, 1944).

Menurut Tom Pires juga kapal-kapal dagang dari Turki akan sampai ke Melaka dalam tempoh lebih daripada satu musim hujan. Selain daripada mendapatkan bahan rempah ratus pedagang Turki juga membeli barang-barang seperti mutiara, porselin, minyak wangi, emas, sutera dan timah serta bulu burung dari Pulau Banda (Cortesao, 1944) Sejak daripada penawanan kota Constantinople Kerajaan Turki menyedari tentang kepentingan penguasaan ke atas rempah di Eropah kerana penguasaan tersebut akan mengukuhkan ekonomi kerajaan Turki. Oleh itu, Sultan Muhammad Al-Fatih mengambil langkah dengan mewujudkan hubungan diplomatik dengan kerajaan-kerajaan Islam yang menguasai perdagangan rempah seperti Kesultanan Melayu Melaka, Kesultanan Bijapur, Gujarat, dan Bengal (Malakandhatil, 2010).

Sehubungan itu, Kerajaan Turki Uthmaniyah menerima manfaat ekonomi dari Melaka berikutan Kerajaan Turki menguasai komoditi rempah di Eropah dan kerajaan-kerajaan Eropah yang lainnya terpaksa mendapatkan rempah daripada Kerajaan Turki (Malakandhatil, 2010). Catatan Turki juga pernah menyatakan tentang kepentingan pelabuhan Melaka kepada Kerajaan Turki Uthmaniyah untuk mendapatkan rempah ratus dan boleh dikatakan sebahagian besar rempah-ratus yang diimport berasal daripada pelabuhan Melaka (Aritonang, 2008). Sebagai sebuah pelabuhan yang terpenting di dunia, kerajaan-kerajaan Islam pada saat itu menerima manfaat dengan perolehan keuntungan daripada perdagangan rempah yang diperdagangkan di Melaka (Dahalan, 2014).

Sehubungan itu, Melaka boleh dikatakan sebagai pusat yang mengumpulkan kesemua pedagang Islam yang kaya dari seluruh dunia. Sepanjang keberadaan mereka di pelabuhan Melaka pedagang-pedagang Turki termasuklah pedagang daripada bangsa India, Arab dan Parsi

mempelajari teknik untuk menghadapi keadaan angin monsun dan memahami penggunaan bintang dalam pelayaran selain turut belajar menggunakan magnet dan kompas (Small, 2006). Kehadiran bangsa Turki di kepulauan Melayu bukan sekadar untuk menjalani aktiviti perdagangan tetapi mereka turut berperanan sebagai pendakwah yang bertanggungjawab untuk menyebarkan Islam di alam Melayu terutamanya Aceh. Sebahagian daripada karya-karya ilmiah Islam yang disebarkan di alam Melayu juga turut diperkenalkan oleh orang-orang Islam Turki terutamanya sekitar abad ke 17 dan 18 (Azra, 2013).

Dalam catatan Turki ada menyentuh tentang hubungan Melaka dan Turki sekitar abad ke 15, yang mana pemerintah dan rakyat negeri Melaka pada ketika itu mempunyai perasaan hormat yang tinggi kepada Kerajaan Turki Uthmaniyah selaku kuasa besar di Eropah. Khalifah Turki Uthmaniyah diangkat sebagai Raja Rom bahkan khalifah Turki dianggap sebagai wali Allah menurut pandangan masyarakat Melaka. Pada masa itu juga, kerajaan muslim yang paling kuat dan digeruni adalah Kerajaan Turki Uthmaniyyah (Özbaran, 1977). Di dalam makalah 'Bir Osmanlı Filosunun Sumatra Seferi' yang ditulis oleh Saffet Bey mengatakan, kemasyhuran kerajaan Turki Uthmaniyyah sebagai sebuah kerajaan yang kuat dan hebat boleh didengar di seluruh dunia dan hampir kebanyakan negara-negara Islam telah memberikan bai'ah kepada pemerintahan Uthmaniyyah (Bey, 1912). Masyarakat Islam dunia melihat Kerajaan Turki Uthmaniyyah ketika itu adalah pelindung sebenar bagi dunia Islam amnya dan kenyataan ini juga diperakui dalam penulisan sastera masyarakat Melayu (Seljuk, 1995).

Melaka yang berperanan sebagai pusat penyebaran Islam di Asia Tenggara sudah tentu turut meyakini persetujuan terhadap kerajaan Turki Uthmaniyah sebagai simbol yang memperakui hubungan kedua pihak. Atas nasihat Bendahara dan Laksamana baginda Sultan Mansur Shah memutuskan untuk menjalinkan hubungan yang lebih akrab dengan kerajaan Turki Uthmaniyah memandangkan Melaka adalah negara yang kaya dengan aktiviti ekonomi yang pesat dengan tujuan untuk memperkenalkan Melaka dan sultan yang memerintah pada saat itu berada di kemuncak kegemilangan selain masyhur di seluruh dunia di samping memperkenalkan sultan Melaka yang memerintah (Ahmad, 2008).

Hubungan diplomatik yang pertama terjalin sewaktu zaman Sultan Mansur Shah dan jalinan tersebut melihatkan jalinan persahabatan yang termeterai di antara Sultan Melaka dengan Sultan Muhammad al-Fatih pada 1471. Hubungan yang pada asalnya terjalin disebabkan aktiviti perdagangan kemudiannya dikembangkan lagi melalui hubungan diplomatik dua kerajaan. Antara faktor yang mengukuhkan lagi hubungan dua hala ini adalah disebabkan matlamat sama dalam menjaga kekuatan Islam. Turki saat itu berkuasa di bahagian Barat manakala Melaka memelihara kekuatan Islam di bahagian Timur. Bai'ah bagi menjaga Islam adalah tunggak kepada jalinan kerjasama dan hubungan saudara diantara dua kuasa besar di dunia saat itu. Hubungan ini melangkah lebih jauh lagi melalui perkahwinan, menurut catatan Turki, Sultan Mansur Shah telah mengahwinkan anaknya iaitu Sultan Alauddin Riayat Shah dengan puteri Sultan Muhammad al-Fatih (Ozcanl, 2015).

Perkahwinan merupakan satu cerminan positif dalam memelihara hubungan yang terjalin di antara dua buah kerajaan. Perkahwinan yang berlaku bukan sahaja berbentuk mikro tetapi juga berbentuk inter-empayar di mana golongan yang terlibat dengan perkahwinan tersebut terdiri daripada kerabat diraja dan dalam kalangan pembesar sendiri (Ismail Azman Omar, 2008). Menurut Ramlah Adam, perkahwinan dalam kalangan golongan kerabat ini sebenarnya satu strategi untuk mengelakkan peperangan atau persaingan pengaruh di antara golongan pemerintah. Pertalian darah hasil perkahwinan diraja juga dapat menjadikan hubungan ini

sebagai satu platform untuk memperluaskan aktiviti perdagangan bagi kedua-dua kerajaan. Melalui perkahwinan ini, hubungan dua hala kerajaan Islam ini bertambah mesra (Adam, 2002).

Sejak tempoh tersebut Melaka menjalin hubungan yang baik dengan Kerajaan Turki Uthmaniyah dan setiap kali baginda berurusan dengan Sultan al-Fatih baginda akan menggunakan nama Mansur Pasha sekaligus menunjukan perakuan Sultan Mansur Shah terhadap keagungan pemerintahan Turki Uthmaniyah. Penggunaan istilah Pasha ini kebiasaannya digunakan oleh menteri-menteri Kerajaan Uthmaniyah (Abbas, 2007) Sultan Aceh juga selalu menyebut nama Sultan Uthmaniyyah (padişah) di dalam khutbah-khutbahnya khususnya sewaktu mendoakan pemerintah Turki Uthmaniyah. Maka perkataan Pasha akan digunakan apabila menyebut nama sultan berkenaan (Razaulhak Şah, 1967). Penggunaan istilah Pasha oleh Sultan Mansur Shah bertujuan menghormati kekuatan dan kekuasaan pemerintah Turki Uthmaniyah selain meraikan hubungan diplomatik yang terbina.

Jika dilihat kepada penulisan Hikayat Tuah karya Kassim Ahmad, Hang Tuah yang merupakan duta Melaka pada ketika itu dihantar ke Istanbul bagi mendapatkan kelengkapan senjata api seperti meriam dan peluru dari kerajaan tersebut (Ahmad, 2008). Tindakan ke Turki untuk mendapatkan bahan api ini setelah Melaka gempar dengan serangan Portugis yang pertama yang mana Portugis telah menggunakan meriam untuk menyerang tentera-tentera Melaka. *Sejarah Melayu* ada mencatatkan peristiwa serangan tersebut yang telah mengorbankan ramai rakyat Melaka sehingga ada yang mati dalam keadaan mengerikan kerana terputus daripada anggota badan (Kheng, 1998).

“Setelah datang ke Melaka, maka dibedilnya dengan Meriam. Maka segala orang Melaka pun terkejut mendengar bunyi Meriam itu, katanya, Bunyi apa yang seperti guruh itu?” (Kheng, 1998).

Turki Uthmaniyah dikira sebagai sebuah kerajaan Islam yang ke hadapan kerana menjadi negara Islam terawal memiliki dan mengetahui penggunaan teknologi senjata api. Penggunaan teknologi bahan senjata ini diperkenalkan oleh Turki Uthmaniyah kepada negara Islam yang lain seperti di Asia dan Afrika (Özbaran, 1989). Hubungan ini dikira munasabah kerana Turki Uthmaniyah adalah sebuah kerajaan kuat di Eropah selain turut terkenal dengan pembuatan senjata api sedangkan Melaka pula adalah sebuah negara yang terkenal sebagai tempat perhimpunan semua pedagang di pelabuhan dari semua pedagang dari seluruh dunia. Oleh itu, kehebatan kedua-dua buah kerajaan ini sampai ke pengetahuan raja masing-masing dan pendekatan diplomatik diambil dengan menjalin hubungan diantara dua kerajaan besar ini (Gulen, 2010).

Fasa 2 Hubungan Diplomatik Melaka dan Turki

Hubungan baik ini berterusan sehinggalah Melaka jatuh ke tangan Portugis tetapi kerajaan Turki Uthmaniyah tidak ketinggalan dalam membantu Melaka merampas kembali kedaulatan kesultannya. Jika diteliti perjalanan sejarah penjajahan yang berlaku ke atas Melaka, hubungan yang terjalin di antara Melaka dan Turki ini telah memberikan kesan daripada aspek persaudaraan, keagamaan, ekonomi serta perdagangan kepada Turki Uthmaniyah dan hal ini sekaligus menimbulkan kegusaran kepada Barat kerana dua buah kuasa besar Islam menjalin hubungan diplomatik. Jika tidak segera dicegah, kedudukan Islam akan menjadi lebih kuat di setiap sudut benua dunia (Bakar, 2010) Kebergantungan Turki dalam mengimport rempah ratus daripada Melaka dilihat sebagai satu ancaman kerana Turki Uthmaniyah adalah pembekal utama rempah ratus kepada negara-negara di Eropah, Portugis sememangnya mahu menyekat

kemaraan Kerajaan Turki Uthmaniyah kerana mahu menghapuskan pengaruh Islam yang dibawa Turki. Portugis berusaha keras menghapuskan beberapa lokasi yang menjadi pusat tumpuan Turki Uthmaniyah untuk memperoleh bekalan seperti India dan Melaka. Penguasaan Portugis ke atas India dan Melaka berjaya menyekat ekonomi Turki Uthmaniyah.

Matlamat Portugis sememangnya mahu memusnahkan negara Islam yang berkuasa dan Melaka adalah sasaran utama kerana kedudukan Melaka yang strategik. Selain daripada peranannya sebagai pusat Islam untuk mengembangkan agama Islam di seluruh pelusuk Asia. Melaka juga pelabuhan yang kaya dan memiliki pendapatan tinggi hasil daripada kemajuan aktiviti perdagangan. Semuanya bermula apabila Raja Portugal mendapat perkhabaran tentang pedagang India yang mendapatkan bekalan rempah daripada pelabuhan Melaka dan memperdagangkan rempah ratus itu di Vennice. Kesemua faktor ini menjadikan Portugis bertindak segera untuk menguasai rempah di laluan utama bahagian timur (Othman, 1989).

Pada 18 Ogos 1509, atas arahan Raja Manuel, Diego Lopez de Sequire beserta lapan belas Portugis yang lain dihantar ke Melaka sebagai duta Portugis. Mereka tiba di Melaka pada 11 September 1509 dan melakukan risikan bagi mendapatkan maklumat. Wakil pengintip ini tugaskan untuk memerhatikan gerakan ketenteraan dan corak pemerintahan dalam istana tanpa berhasrat untuk menyerang Melaka dalam masa terdekat (Pintado, 1993). Namun, perancangan Portugis berubah apabila Sultan Mahmud Shah telah menangkap wakil pengintip Portugis dan dijadikan tawanan selepas baginda mendapat perkhabaran tentang perancangan Portugis yang mahu mencuri jasad Rasulullah s.a.w di kota Mekah (Özbaran, 1989).

Atas dasar kecintaan kepada agama selain bai'ah yang telah diangkat bagi menjaga kesucian Islam, Melaka bertindak segera demi mencegah perancangan Portugis. Tindakan Melaka menahan wakil pengintip Portugis itu telah mematahkan niat mereka untuk menyerang kota Mekah tetapi mengubah sasaran Portugis untuk menyerang dan merampas Melaka lebih awal daripada perancangan asal (Pintado, 1993). Berita ancaman Portugis kepada Melaka sampai kepada pengetahuan kerajaan Turki Uthmaniyah dan tanpa melengahkan masa bantuan segera dihantar. Turki Uthmaniyah menghantar bantuan ketenteraan kepada Melaka melalui Aceh untuk menyerang Portugis di Melaka (Özbaran, 1989).

Turki Uthmaniyah telah menghantar senjata dan pakar senjata kepada Kerajaan Aceh bagi menyerang Portugis yang sedang rancak menyerang Melaka daripada orang Melayu. Siri peperangan untuk merampas semula Melaka tidak pernah terhenti dan sentiasa direncana dari masa ke semasa oleh pewaris Kesultanan Melayu Melaka dengan bantuan dari Aceh. Pada tahun 1539 orang-orang Turki yang berada di Aceh telah bangkit menentang Portugis pada tarikh 15 Jun 1539 pada saat Portugis berkuasa penuh ke atas Melaka (Mendes, 1989). Dua buah kapal besar dihantar oleh Turki Uthmaniyah dengan lima orang pakar pembuat senjata yang tiba di Aceh pada 1566. Hubungan baik diantara pemerintah Melayu Islam dengan Turki Uthmaniyah sentiasa dibimbangi Portugis (Dingec, 1947), kerana setiap bantuan yang dihantar oleh Kerajaan Turki Uthmaniyyah adalah atas dasar agama. Berkiblatkan cinta kepada Allah dan Rasulullah, segala permintaan antara saudara semuslim mereka berusaha untuk tunaikan (Şah, 1967).

Bantuan yang dihantar Kerajaan Uthmaniyah terdiri daripada dua buah kapal beserta lima orang wakil pembuat senjata pada tahun 1566. Melaka juga pernah meminta bantuan ketenteraan dari Calicut dan Japara untuk melancarkan serangan kepada Portugis di Melaka pada 16 Februari 1568. Dalam serangan yang diketuai Sultan Alauddin pewaris takhta Kesultanan Melayu

Melaka bersama tentera Aceh berjumlah 15 000 terdiri daripada 400 orang tentera Turki dan 200 buah Meriam tembaga. Pemberian senjata dan tenaga dari kerajaan Uthmaniyah membawa kepada perpindahan teknologi dalam bidang pertahanan dan ketenteraan (Reid, 2000).

Proses pembuatan senjata dipelajari tentera Melayu daripada pakar pembuat senjata dari Turki. Turki ketika ini terkenal dengan pembuatan senjata khususnya Meriam besar. Proses pembuatan senjata juga berkembang pesat di Sumatera Barat, Bali, Jawa dan Sulawesi hasil daripada tunjuk ajar pakar senjata dari Turki ini (Reid, 2000). Bagi menghargai bantuan pemerintah Turki Uthmaniyah, beberapa buah kapal dagang yang dipenuhi dengan rempah ratus dan lada dihadiahkan kepada Sultan Turki Uthmaniyah sebagai ucapan penghargaan kerana baginda memberikan senjata untuk berperang (Dingec, 1947).

Fasa 3 Hubungan Tanah Melayu Dan Kerajaan Turki-Uthmaniyah Era Inggeris

Hubungan diplomatik diantara Tanah Melayu dengan Kerajaan Turki Uthmaniyah sama sekali tidak pernah berakhir. Walaupun beberapa siri penjajahan berlaku di Tanah Melayu namun hubungan kedua negara ini tidak terhenti. Hubungan ini tetap diteruskan oleh keturunan diraja daripada jurai Kesultanan Melayu Melaka yang berundur ke Johor Bahru selepas tumpas di tangan Portugis sewaktu berperang untuk merampas kembali kerajaan Melaka. Kunjungan pertama Sultan Johor iaitu Sultan Abu Hamid Bakar ke Istanbul pada tahun 1879 memberi nafas baru kepada hubungan dua buah negara ini dengan perkahwinan saudara baginda dengan wanita Turki bernama Rugayyah Hanum dengan perkenan Sultan Abdul Hamid II (Adam, 1992).

Kunjungan kedua seterusnya berlaku pada tahun 1893 dimana pertemuan kedua ini disusuli hasrat Sultan Abu Bakar untuk menjalin hubungan diplomatik dengan Turki. Lawatan baginda mendapat sambutan baik oleh Sultan Abdul Hamid II bahkan baginda mengurniakan bintang kebesaran Uthmanli Darjah Pertama kepada Sultan Abu Bakar (Isa, 1982). Penganugerahan pingat ini menjadi bukti hubungan Johor dengan Turki Uthmaniyah yang kelihatannya sangat erat apa lagi dengan perkahwinan Ruggayah Hanum dengan adinda Sultan Abu Bakar berjaya mengukuhkan lagi hubungan dua hala yang memberikan manfaat kepada kedua pihak (Adam, 2002).

Kedudukan Sultan Turki Uthmaniyah juga dilihat sangat penting bagi masyarakat Islam di Tanah Melayu dimana baginda diiktiraf sebagai Amir al-Mukminin dan khalifah kepada umat Islam di seluruh dunia. Setiap kitab tafsir al-quran mengandungi doa-doa yang ditujukan khusus buat Sultan Turki Uthmaniyah dengan harapan agar Allah akan memberikan bantuan kepada khalifah kepada umat islam ini dan pasukan tentera Islam untuk menentang musuh sehingga ke hari kiamat (Rozali, 2016). Doa-doa ini juga sentiasa dibacakan oleh ulama di Tanah Melayu seperti Sheikh Wan Muhammad Zain al-Fatani di setiap majlis dan waktu solat Jumaat. Pengaruh Turki Uthmaniyah dalam kalangan pemimpin dan masyarakat Melayu dilihat begitu ketara sekali melalui teks-teks penulisan yang banyak mengupas berkenaan hubungan dua hala ini. Bahkan khalifah Turki Uthmaniyah dianggap sebagai khalifah umat Islam di seluruh dunia (Lewis, 1965).

Syair tulisan almarhum baginda Sultan Abu Bakar juga menunjukkan hubungan dengan Empayar Uthmaniyyah yang membawa kepada pengaruh terhadap Kesultanan Johor. Ia boleh dikesan dari beberapa aspek, seperti penggunaan hiasan di istana, etika berpakaian, gelaran dan juga simbol pada bendera. Syair Sultan Abu Bakar dan Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di negeri Johor jelas menunjukkan persepsi dan pengaruh Empayar Uthmaniyyah kepada orang Melayu. Kemajuan dan keamanan yang diperolehi oleh rakyat Empayar Uthmaniyyah di

bawah pemerintahan Sultan Abdul Hamid II jelas digambarkan dalam puisi tersebut. Penyampaian gelaran daripada Empayar Uthmaniyyah kepada Sultan Johor dan para pembesar menunjukkan keakraban hubungan kedua-dua negara (Rozali, 2016).

Pada pertengahan abad ke-19, Kerajaan Turki Uthmaniyah telah mengembangkan gerakan Pan-Islamisme bagi menyatu padukan umat Islam seluruh dunia selain cuba menjadikan gerakan ini sebagai senjata penting untuk menentang kuasa Barat (Berkes, 1963). Pan-Islamisme menjadi gagasan penting dalam Kerajaan Turki Uthmaniyah terutamanya sewaktu zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid II (1876-1909). Inti pati gagasan ini juga menyeru kesetiaan dan kesatuan umat Islam di bawah Sultan Turki Uthmaniyah sesuai dengan peranan khalifah yang merupakan pemimpin umat Islam di dunia (Gibbon, 1972). Gerakan Pan-Islamisme yang mendapat tajaan penuh daripada Kerajaan Turki Uthmaniyah ini mendapat perhatian semua negara-negara Islam termasuklah Tanah Melayu. Pada saat ini masyarakat Melayu melihat gerakan ini akan menjadi benteng kuat untuk menjaga kedudukan orang Melayu dan raja-raja Melayu daripada ancaman penjajah.

Apabila gerakan ini dilancar Sultan Abu Bakar telah menyambut baik gerakan ini dan mengadakan lawatan rasmi ke Turki. Sekolah agama ditubuhkan di Tanah Melayu berikutan semangat terhadap gerakan Pan-Islamisme bahkan akhbar-akhbar Melayu seperti *al-Imam*, *Desa Nesan*, *Lengkongan Bulan*, *Neracha* dan *Tunas Melayu* membuat penulisan secara luas terjemahan artikel dari akhbar luar negara yang kemudiannya memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu mengenai gerakan tersebut. Penulisan dalam akhbar ini juga jelas membela gerakan yang diasaskan Kerajaan Turki Uthmaniyah dengan dakwaan bahawa kerajaan Turki adalah kerajaan yang kuat selain mempunyai masyarakat yang berperibadi mulia dan menjadi kewajipan kepada semua umat Islam untuk mentaati khalifah Turki kerana saat itu Barat sentiasa cuba memburukkan nama Turki Uthmaniyah kerana mahu menggagalkan gerakan Pan-Islamisme dan menjatuhkan kerajaan Islam tersebut (Ton, 2000).

Akhbar-akhbar Melayu juga seringkali menyelar tuduhan Barat terhadap Kerajaan Turki Uthmaniyah agar umat Islam tidak terpedaya dengan berita-berita palsu yang dicanang oleh Barat. Selain itu, sokongan-sokongan padu juga sering diberikan kepada khalifah seperti saranan untuk mempertingkatkan lagi aspek pertahanan dalam bidang teknologi moden agar sentiasa dapat berhadapan dengan konflik serta serangan daripada Barat bahkan akhbar Melayu juga sering menepis dakwaan Barat yang seringkali mendakwa kerajaan Turki Uthmaniyah sangat mundur daripada aspek teknologi peperangan. Perkembangan penulisan ini berjaya juga meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan masyarakat Melayu yang sentiasa mahu mengetahui perkembangan Turki Uthmaniyah selain mendapat reaksi positif orang Melayu terhadap gerakan Pan-Islamisme (Ton, 2000).

Melalui penyebaran gerakan Pan-Islamisme ini orang-orang Melayu mula bangkit untuk menentang penjajah di Tanah Melayu. Pengaruh gerakan ini dilihat begitu kuat dalam jiwa orang Melayu dan boleh dilihat jelas seperti pemakaian orang Melayu berunsurkan Turki Uthmaniyah seperti pemakaian fez atau tarbus berwarna merah dalam kalangan masyarakat Melayu yang dilihat mempunyai kaitan dengan gerakan Pan-Islamisme (Rozali, 2016). Penggunaan bendera seperti warna merah jambu, bulan sabit dan bintang berwarna perak menyamai bendera Turki. Ramai pemimpin-pemimpin Melayu bangkit menentang penjajah antaranya Dato' Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau bahkan terdapat sebagian pemimpin yang lain menghantar surat permohonan kepada ketua tentera Laut Turki Uthmaniyah yang singgah

di Singapura agar memberikan bantuan ketenteraan untuk menentang British di Tanah Melayu tetapi usaha tersebut gagal kerana berjaya dihidu pihak British (Andaya, 1982).

Permohonan bantuan ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat melayu mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kemampuan Turki Uthmaniyah dalam memberikan bantuan untuk menentang penjajah atas dasar agama Islam. Menjelang awal abad ke-20 masyarakat Islam di Tanah Melayu disekat daripada menerima sebarang maklumat daripada kerajaan Turki Uthmaniyah bagi mengekang gerakan Pan-Islamisime daripada terus berkembang. Akhbar-akhbar yang banyak melaporkan tentang Turki Uthmaniyah dilarang daripada diterbitkan yang akhirnya berjaya menyekat maklumat daripada terus sampai kepada masyarakat Melayu. Kesan daripada sekatan ini masyarakat Melayu mula hilang keghairahan terhadap semangat ke atas Turki Uthmaniyah sehingga kejatuhan khilafah tersebut.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mencapai objektif apabila berjaya menemukan bukti hubungan Melaka-Turki yang telah bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi dan berkembang pada waktu pemerintahan Sultan Mansur Shah. Hubungan awal ini terbentuk melalui aktiviti perdagangan dan lanjutan daripada aktiviti tersebut, kedua-dua buah kerajaan ini mengukuhkan lagi hubungan tersebut dengan jalinan diplomatik yang membawa kepada perkahwinan diraja. Sehubungan itu, apabila Melaka diserang Portugis Kerajaan Turki Uthmaniyah memberikan bantuan peralatan ketenteraan melalui Aceh bagi membantu merampas semula Melaka dari Portugis. Penguasaan Portugis sebenarnya akan menjejaskan kedudukan negara-negara Islam selain turut menguasai rempah dan penguasaan rempah ini akan mengganggu ekonomi Kerajaan Turki yang berperanan sebagai pengedar utama rempah di Eropah dan usaha rampasan ini sememangnya direncana Portugis bagi menghalang perkembangan Kerajaan Turki Uthmaniyah daripada terus berkembang sehingga ke Eropah selain mahu menguasai laluan utama perdagangan dunia.

Apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis, Turki Uthmaniyah sama sekali tidak melupakan Melaka bahkan seringkali memberikan bantuan peperangan menerusi Aceh bagi menumpaskan Portugis. Kerajaan Turki Uthmaniyah dilihat sebagai satu kuasa agung yang membawa nama Islam dan kewajipan mentaati khalifah Turki adalah perkara wajib dilakukan oleh masyarakat Islam di Tanah Melayu. Sehubungan itu segala galakan dan gerakan yang dicetuskan oleh Turki Uthmaniyah sentiasa diterima dan disambut baik oleh masyarakat Melayu. Bahkan akhbar-akhbar Melayu sering memainkan peranan dalam menyampikan segala maklumat berkaitan Turki Uthmaniyah agar masyarakat Melayu sentiasa bersemangat menentang penjajah selain menyatakan ketaatan terhadap Turki Uthmaniyah. Hubungan dua hala yang pernah terbina pada suatu ketika dahulu merupakan pemangkin kepada pengukuhan hubungan diplomatik di antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Turki moden hari ini.

Rujukan

- Ton A.A.M., (2000). *Politik al-Imam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haris A.H., (2020). History of the Ottoman Empire and Its Contributions in Sociopolitical Aspects from 14th Century Until 20th Century. *Journal of Al-Tamaddun*, Vol. 15 (1), 2020, 85-107 <https://doi.org/10.22452/JAT.vol15no1.6>
- Seljuk A., (1995). *Türk Dünyası Araştırmaları. Osmanlı İmparatorluğu'nun Malay-Endonezya Takımadalarındaki Müslüman Krallıkları İlişkileri*. Istanbul: Dergi Süreli Yayın.
- Dahalan A., (2014). *Sejarah Melayu*. Jakarta: Gramedia.
- Reid A., (1969). Indonesia Diplomacy A Documentary Study of Atjehnese Foreign Policy in the Reign of Sultan Mahmud 1870-1874 dlm *JMBRAS*. Jil 42. pt. 2.
- Reid A., (2000). *Charting the Shape of early Modern Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Cortesao A., (1944). *Suma Oriental of Tom Pires*. Asian Educational Services: Singapore
- Azra A., (2013). *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad ke 17 dan 18*. Jakarta: Kencana Prenamedia Group.
- Othman B., (1989). *Melaka: Sejarah Awal Negara Kita*. Shah Alam: Marwilis Publisher&Distributors Sdn Bhd.
- Andaya B.W. & Andaya L., (1982). *A History of Malaysia*. Hong Kong: McMillan Press.
- Lewis B., (1965). *The Ottoman Empire in the Mid Nineteenth Century: A Review in Middle Eastern Studies*, vol. 1.
- Abbas E.M., (2007). *Sultan Abdul Hamid II dan kejatuhan Khilafah Islamiah: Peranan Gerakan Nasionalis dan Golongan Minoriti*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Dingec E., (1947). *Xvi. Yuzyilda Osmanli, Ace Iliskileri*. Turkic: Turkish Studdies International for The Languages Literature and History of Turkish.
- Rozali E.A., (2016). *Turki Uthmaniah Persepsi dan Pengaruh dalam Masyarakat Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Small E., (2006). *Culinary Herbs*. NRC Research Press.
- Hall. D.G.E, (1996), *A History of Southeast Asia*. London: Mcmilan&Co
- Ibrahim I., Kassim S.J., et.al (2021), Malay Settlement to Malay Urbanism Development, Characterization and Modelling of Architecture and Urban Design Principle of Modern City, *Disegnarecon*, vol 13.
- Landau J.M., (1990). *The politics of Pan Islam Ideology and Organization*. Oxford: Clarendon Press.
- Aritonang J.S., (penyt). (2008). *A History of Christianity in Indonesia*. Leiden: Koninklijke Brill NV.
- Ahmad K., (2008). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka&Yayasan Karyawan.
- Fang L.F., (1982). *Undang-Undang Melaka*. Singapore: The Hague.
- Berkes N., (1963). *The Development of Secularism in Turkey*. London: Hurst&Company.
- Mendes P.F., (terj.) (1989) *The Travels of Mendes Pinto*. London: University of Chicago Press.
- Dingec E., (1947). *Xvi. Yuzyilda Osmanli, Ace Iliskileri* Turkic: Turkish Studdies International for The Languages Literature and History of Turkish.
- Pintado M.J., (pnyt). (1993). *Portugese Documents on Mallaca Vol. 1 (1510-1511)*. Kuala Lumpur: National Archieves of Malaysia.
- Malakandhatil P., (2010). *Maritime India: Trade Religion and Polity in the Indian Ocean*. Delhi: Primus Books.
- Ramlah Adam. (1992). *Dato Onn Jafar Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Adam R., t.th. Hubungan Luar Kesultanan Melayu Melaka Dengan Kawasan Sekitar & Antarabangsa.
- Şah R., (1967). *Açe Padişahı Sultan Alaeddin'in Kanuni Sultan Süleyman'a Mektubu*, Ankara. Ankara Üniversitesi Dil. Tarih Coğrafya Fakültesi Tarih Araştırmaları Dergisi. c.5.
- _____. (1967). *Açe Padişahı Sultan Alaeddin'in Kanuni Sultan Süleyman'a Mektubu*, Ankara. Ankara Üniversitesi Dil. Tarih Coğrafya Fakültesi Tarih Araştırmaları Dergisi.
- Bey S., (1912). *Tarihi Osmani Encümeni Mecmuası, Cilt X*. 'Bir Osmanlı Filosunun Sumatra Seferi. Istanbul: Ahmed İhsan ve Şürekası. Matbaa-i Halk-ı Osmani Şirketi.
- Gulen S., (2010). *The Ottoman Sultans: Mighty Guests of the Throne*. Terj. Emrah Sahin. New York: Blue Dome Press.
- Özbaran S., (1989). *Askeri Tarih Bülteni*. Ankara: Süreli Yayın.
- _____. (2004). *Yemen'den Basra'ya Sınırdaki Osmanlı*, Istanbul: Kitap Yayınevi.
- _____. (1977). *Osmanlı İmparatorluğu ve Hindistan Yolu*, Istanbul: Istanbul Üni. Edebiyet Fakültesi Tarih Dergisi.
- Fatimi S.Q., (1963). *Islam Comes to Malaysia*. Singapore: Malaysia Sociological Research Institute.
- Alatas S.F., (1985), "Notes on Various Theories Regarding the Islamization of the Malay Archipelago" dlm *The Muslim World*, Vol. LXXV, Hartford: The Duncan Black MacDonald Center.
- Gibbon H.A.R., (1972). *Modern Trend in Islam*. New York: Octagon Press.
- Isa Y., (1982). *Syair Tanah Melayu iaitu Cerita Perang Pahang dan Johor Bahru dlm Beberapa Aspek Sejarah dan Kebudayaan Pahang*. Pahang: Lembaga Muzium Negeri Pahang.
- Ozcanl Z., (2015). *Intizar Anne*. Istanbul: Kaynak Yayinlari.